



Cambridge IGCSE™

FIRST LANGUAGE MALAY

0696/01

Paper 1 Reading and Directed Writing

May/June 2021

INSERT

2 hours

INFORMATION

- This insert contains the reading passages.
- You may annotate this insert and use the blank spaces for planning. **Do not write your answers** on the insert.

MAKLUMAT

- Sisipan ini mengandungi teks-teks bacaan.
- Anda boleh membuat catatan pada sisipan ini dan gunakan ruang kosong untuk merangka jawapan.
Jangan tulis jawapan anda pada sisipan tersebut.



This document has **8** pages. Any blank pages are indicated.

Baca Teks A, kemudian jawab Soalan 1 dalam Kertas Soalan.

Teks A: Rumahku di Desa Hati Abah

(Oleh Wardah Puteh disuaipadankan, 20 Dis 2018)

“EEEEK OOUKKK! Eeeek ouukkk!” Kicau merbah kunyit. Seperti selalu, burung itu menjengah di pohon bebuas sebelah jendela dapur kami.

“Hah, dah datang!”

Abah memilih sebiji pisang emas yang ranum dan diletakkan di tempat merbah selalu bertenggek, yakni di ranting bebuas, pokok ulam Emak. 5

Merbah kunyit mengibar sayapnya dan menayangkan dadanya yang kuning menyala. Mendada saja ia, seolah-olah tahu sedang diperhatikan.

Mata saya mengitari halaman rumah Abah. Ada bermacam-macam pokok ditanam. Emak dan Abah memang rajin berbudi kepada tanah.

Cekur manis berbunga merah, memang sedap dibuat masak lemak ditaruk bilis. Rimbun pandan jika ditanak dengan beras, harum nasinya. Pohon betik jika berbuah, sebelum ranum, enak digulaikan dengan udang. Daun bebuas jadi ulaman. Ulam raja yang enak dimakan mentah. Banyak lagi di sekeliling rumah Abah. 10

Saya selalu membayangkan suasana kedesaan ini berada di rumah saya, nun di Selatan. Jika hendak menumbuk sambal, petik saja cabai burung di tepi jendela. Ulamannya pegaga yang tumbuh melata. Berasnya ditanak dengan pandan supaya lebih selera. Manisannya, buah belimbing yang dipotong serong. Emm...kehidupan yang senang dan menyelerakan! 15

Lamunan saya terputus. Hud dan Hadif berlarian laju ke riba.

Oh, sungguh jauh rindu saya berterbangan pulang ke desa!

“Mama janji nak *video call* dengan tok wan, kan? Jomlah, mama!” 20

“Okay, ambilkan telefon bimbit mama, Hadif!”

Cepat-cepat anak saya berlari ke dalam bilik. Pantas punat *video call* melalui aplikasi *WhatsApp* ditekan. Tidak lama menunggu, tampang Abah muncul di skrin telefon bimbit.

“Assalamualaikum Abah! Sedang buat apa tu?”

“Abah ambil angin saja, sambil-sambil tengok pokok-pokok Emak kamu!” 25

Telefon Abah halakan ke arah pokok-pokok yang tumbuh sudah agak meliar. Saya nampak jambu batu sudah tinggal ranting, pokok betik tinggal tunggulnya sahaja, pokok gajus menguning daunnya, pandan tumbuh merimbun tidak terkawal.

Ah, sejak Emak pergi enam bulan yang lalu, Abah sudah tidak betah berlamaan menjaga pokok. Banyak termenung, banyak bersedih di beranda hadapan rumah. Pokok-pokok yang diladeni Abah dan arwah Emak nampaknya turut terkena tempias kesedihan atas sebuah kehilangan! 30

“Bila Abah nak datang dan tinggal di rumah Nida? Cucu-cucu Abah sudah tidak sabar.” Saya menyeloroti tampang Abah. Kumis putih merayapi wajahnya yang kian renta. Uban di kepala sudah putih seluruhnya. Mujurlah ada aplikasi *video call* ini, sekurang-kurangnya rindu saya tidak membusung tinggi. 35

“Belum masanya lagi, nak. Abah tak betah berlama di sana kalau tidak ada ulam-ulaman seperti di rumah kita ni.”

Saya diam.

Hud dan Hadif menyambung sembang dengan Abah. Pandangan mata saya menembusi jendela rumah semi D yang dihuni saya anak-beranak. Saya mengeluh panjang. 40

Rumput plastik khas yang mahal harganya melata di tanah sepuluh kaki yang ada.

Ilham datang mendadak dan saya meluru ke meja belajar dan memasang komputer. Dengan pantas saya mencari kedai lanskap berhampiran.

Beberapa bulan berlalu...

Disember musim tengkujuh yang selalu membuatkan hati saya basah dengan kenangan. Angin timurnya selalu membawa dan mengelus-elus ingatan pulang ke desa. 45

“Abah, cuti sekolah sudah bermula, dan rasa macam tak sempat bernafas. Perniagaan atas talian yang baru Nida mulakan laris macam pisang goreng panas. Bertambah-tambah pula dengan undangan untuk mengendalikan bengkel kerja. Bolehkah Abah datang ke Nilai? Tiket Nida sudah belikan dan Nida sudah e-melkan tiket kepada Abah,” kata saya. 50

“Baiklah Nida. Tapi, Abah tak boleh duduk lama. Tertunggu-tunggu pulak Emak kau menanti Abah datang ke kuburan!” bergetar suaranya sambil terbatuk-batuk untuk meneruskan percakapan.

Oh, Abah! Hampir setahun sudah berlalu, tidak bererti kerinduan kami sirna pada Emak, malah tidak pernah surut. Degil Abah barangkali kerana terlalu sayang. 55

Bahan-bahan mentah di dalam peti sejuk, pantas saya keluarkan. Ada ikan nyok-nyok putih, ada kerisik dan ada rempah giling yang saya beli dalam talian. “Cukup,” bisik saya dalam hati. Mujur ada video arwah Emak sedang memasak gulai ikan nyok-nyok yang telah saya muatnaik di laman sesawang. Biar abadi pahala Emak kerana manfaatnya. Malam ini kami sekeluarga akan menikmati masakan kampung kesukaan Emak. 60

Di luar rumah, tegap berdiri ‘vertical garden’ atau laman menegak yang telah saya usahakan berbulan-bulan. Ada bermacam-macam pokok herba yang saya tanam dengan bantuan Hud dan Hadif. Tidak lama kemudian jiran-jiran saya perasan akan aktiviti saya dan ada yang meminta untuk membeli anak pokok, selepas itu sungguh cepat berita ini tersebar. Akhirnya, saya bangunkan laman web khas; Ranah Desa, yang memuatkan jualan pelbagai jenis benih yang saya semai. 65

Syukur, sambutan yang diperolehi membuatkan saya tidak cukup tangan!

Tetapi bila ada detik-detik lapang, kebimbangan tentang Abah bertandang semula.

Mujurlah Abah sentiasa sibuk sebab dia celik IT. Pada masa lapang, Abah akan menyunting video arwah Emak cantik-cantik. Selalunya tentang pokok yang ditanam mereka dan hobi memasak Emak. Abah pandai, dimuatnaik video itu di YouTube. 70

“Mama! Mama! Tengok siapa yang datang ni!” Terdengar jeritan Hud dari ruang hadapan rumah.

“Eh, Abah! Bukankah Abah mahu datang minggu depan?” Saya menggagau mencari tudung di bilik, mau ke luar rumah bertemu Abah.

“Iya, Nida. Tapi Abah tengok kau macam tidak cukup tangan menguruskan Ranah Desa. Abah pun sebenarnya teringat-ingat hendak melihat laman menegak istimewa itu. Sudah Abah tengok tadi, banyak lagi yang boleh ditanam. Nanti Abah buat video juga, bagi memastikan pelanggan kian tertarik! Jika perlu, kita boleh buat siaran langsung dalam talian.” 75

“Hah, betul ni Abah? Nida bermimpi ke ni?” Mata saya dikejip-kejip, gentar kalau-kalau semuanya hanya sementara. 80

“Abah fikir, kenangan masih banyak lagi boleh diciptakan. Babak kenangan bersama Emak kau sudah tertutup. Biarlah Abah di sini, memulakan babak baharu bersama-sama dengan anak cucu pula!”

Oh, Abah!

Baca Teks B dan C, kemudian jawab Soalan 2 dalam Kertas Soalan.

Teks B: Bahaya plastik terhadap kehidupan

(Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin disuaipadankan, Disember 2018)

MANUSIA dan plastik bagai tidak boleh dipisahkan kerana ramai bergantung kepada penggunaan barangan plastik dalam kehidupan harian.

Boleh dikatakan setiap rumah pasti mempunyai barangan plastik kerana kelebihannya tahan lama, kalis air, cantik dan murah menyebabkan ia sentiasa menjadi pilihan masyarakat selain membantu memudahkan banyak urusan harian mereka. 5

Ramai menganggap lambakan penggunaan bahan plastik sebagai isu remeh sehinggakan mereka membuang sampah merata-rata.

Ramai juga tidak menyedari plastik adalah musuh 'senyap' kepada manusia dan boleh 'membunuh'.

Perkara itu dikongsikan oleh Pakar Toksikologi Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Prof Dr Mustafa Ali Mohd, bagi memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai bahaya plastik kepada manusia dan alam sekitar. 10

Menurutnya, ada tiga bahan asas dalam membuat plastik iaitu phthalate, bisphenol A (BPA) dan kadangkala dicampur juga bahan polybrominated diphenyl ethers (PBDEs).

Bagaimanapun, menurutnya, wujud campuran beberapa bahan lain yang lebih bertoksik seperti pewarna dan pewangi dalam penghasilan plastik bagi meningkatkan kualiti barangan itu, secara tidak langsung mendedahkan lagi risiko bahaya kepada manusia. 15

Jelasnya, plastik pada asasnya berbentuk polimer berantai panjang (seperti tasbih) dan apabila terlerai menjadi molekul kecil yang dipanggil monomer.

"Apabila ia terurai maka terhasillah BPA dan phthalate dalam air atau tanah yang akhirnya masuk ke dalam tubuh manusia serta haiwan. 20

Apabila bahan ini (phthalate dan BPA) masuk ke dalam tubuh manusia ia akan tersimpan di dalam lemak dan boleh menyebabkan gangguan sistem badan terutama pada kanak-kanak seperti kelewatan akil baligh.

Kandungan phthalate yang banyak dalam darah atau badan manusia boleh menyebabkan kegemukan atau obesiti," katanya. 25

Satu perkara amat penting untuk diketahui, bahan ini boleh mengganggu proses pembentukan janin dalam kandungan sekiranya ibu banyak terdedah kepada phthalate.

Jelasnya, ada laporan mengaitkan plastik dengan masalah kesihatan lain termasuk kanser.

Bagaimanapun, kajian itu menyebut kesan bahaya plastik kepada manusia hanya dapat dilihat selepas 40 tahun. 30

Oleh itu, kemungkinan besar peningkatan penyakit kanser yang berlaku mutakhir disebabkan penggunaan plastik secara berleluasa dan berterusan sejak sekian lama.

Kajian lain menunjukkan 10 peratus daripada semua plastik yang dikeluarkan di seluruh dunia berakhir di lautan dan kemudian membentuk 'Pulau Sampah' di tengah Lautan Pasifik. 35

Beliau berkata, manusia yang makan ikan dicemari mikroplastik dan nanoplastik akan menerima kesan yang hampir sama seperti haiwan berkenaan.

Ancaman senyap daripada penggunaan barangan plastik boleh mengakibatkan bencana. Masanya sudah tiba untuk pihak berkuasa bertindak. Pada masa yang sama, kita sebagai masyarakat perlu meletakkan tanggungjawab ke atas pihak korporat seperti rangkaian restoran multinasional.

40

Teks C: Peraturan kecil mampu beri impak besar

(Oleh Nurul Fhatihah Zakinan disuaipadankan, April 2019)

BUKAN mahu menyusahkan pengguna, sebaliknya langkah kerajaan negeri Melaka yang mahu peniaga tidak lagi memberikan penyedut minuman atau straw plastik kepada pengguna bermula Mei ini sebenarnya menuntut kita supaya berfikir sejenak impak di sebalik usaha kecil itu.

Biarpun sesetengahnya beranggapan usaha dibuat itu agak remeh dan menambahkan lagi 'peraturan' sedia ada, tetapi cuba kita renung sejenak lambakan plastik daripada penyedut minuman itu hingga menjadi antara penyumbang kepada sisa pepejal tidak boleh dikitar semula dan merupakan bahan pencemar yang berterusan. 5

Sebenarnya usaha terbaharu kerajaan negeri itu adalah kesinambungan daripada langkah menguatkuasakan larangan penggunaan bekas makanan berasaskan polisterin, beg plastik bukan biodegradasi atau tidak mudah terurai di pasar raya, restoran dan kedai makan, sejak empat tahun lalu. 10

Usaha kerajaan Melaka memperkasakan amalan dan budaya hijau secara berperingkat itu turut mendapat perhatian dan ikutan negeri lain termasuk di Perak, Pulau Pinang dan Selangor.

Pengumuman kerajaan negeri untuk tidak lagi menggunakan penyedut minuman plastik dibuat EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau negeri, Datuk Tey Kok Kiew, bulan lalu bukan hanya bertujuan mendidik masyarakat supaya tidak menggunakan bahan itu tetapi mahu pengguna menggunakan pilihan lain sebagai alternatif seperti berasaskan metal dan aluminium sebelum langkah penguatkuasaan dibuat pada masa hadapan. 15

Langkah bijak kerajaan negeri ini juga berupaya menarik perhatian golongan anak muda. Hasilnya, kebanyakan restoran makanan segera tumpuan orang ramai turut berganding bahu bagi menunjukkan tanda sokongan. 20

Apakah yang menimbulkan kebimbangan ini? Penggunaan bahan plastik berterusan boleh mengancam keseimbangan ekosistem kerana bahan ini lazimnya sukar mereput dan mengambil masa kira-kira 500 tahun untuk proses pereputan. 25

Selain sukar mereput, pengeluaran, pembuangan dan proses pereputannya juga secara langsung menyumbang kepada pembentukan gas rumah hijau yang menjadi punca utama berlakunya pemanasan global.

Justeru, sudah tiba masanya kita mengorak langkah 'merawat' bumi dengan hanya memberi tumpuan kepada industri dan pengeluaran produk yang boleh diguna semula atau pembungkus terbiodegradasikan. Mungkin kita boleh mencontohi rakyat Thailand yang mempunyai idea lebih kreatif dan lebih semula jadi apabila menjadikan batang sayur kangkung dan daun pisang masing-masing sebagai pengganti penyedut minuman dan pembungkus makanan. 30

BLANK PAGE

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

To avoid the issue of disclosure of answer-related information to candidates, all copyright acknowledgements are reproduced online in the Cambridge Assessment International Education Copyright Acknowledgements Booklet. This is produced for each series of examinations and is freely available to download at www.cambridgeinternational.org after the live examination series.

Cambridge Assessment International Education is part of the Cambridge Assessment Group. Cambridge Assessment is the brand name of the University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which itself is a department of the University of Cambridge.